

# ANALISIS PELAKSANAAN PENYERAHAN SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN DAN AMALAN NEGERI-NEGERI DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

## (ANALYSIS OF THE IMPLEMENTATION OF JUDGMENT DEBT SUMMONS AND STATE PRACTICES IN SHARIAH COURTS IN MALAYSIA)

<sup>1</sup>Nik Suhaimi Nik Saberi

<sup>2</sup>Jasni Sulong

<sup>3</sup>Mohd Hazwan Ismail\*

<sup>1</sup>Pelajar, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

<sup>2</sup>Profesor Madya, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

<sup>3</sup>Pensyarah, Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan  
Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

<sup>3</sup>*Corresponding author:* mhazwan@unishams.edu.my

### ABSTRAK

*Saman Penghutang Penghakiman (SPP) adalah satu bentuk saman atau perintah yang dikeluarkan daripada mahkamah untuk diserahkan kepada penghutang. Penghutang perlu memberi komitmen untuk hadir ke mahkamah setelah menerima saman tersebut daripada penghantar notis mahkamah, bailif mahkamah atau mana-mana orang yang diperuntukan dalam undang-undang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pelaksanaan atau pengamalan daripada negeri-negeri yang berbeza. Terdapat dua persoalan kajian mengenai pelaksanaan penyerahan saman dalam borang MS 43 iaitu mengenai saman gantian sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan dan juga mengenai affidavit sokongan dalam borang MS 26 sama ada perlu dibuat serahan atau tidak. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti secara kritis mengenai penyerahan saman yang dilakukan oleh negeri-negeri yang berbeza pelaksanaannya yang telah menimbulkan konflik. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara pengumpulan data iaitu data-data diperoleh daripada kitab-kitab fiqh, jurnal, kertas prosiding, kajian tesis dan kes-kes di mahkamah. Selain daripada itu, kaedah lapangan juga digunakan iaitu metod temu bual secara tidak berstruktur. Temu bual tersebut akan menemu bual bersama peguam, penghantar notis dan bailif mahkamah di negeri-negeri yang terpilih. Hasil kajian mendapati, amalan daripada tujuh negeri yang dipilih secara rawak, hanya negeri Melaka sahaja yang tidak dibenarkan untuk dilakukan saman secara gantian, manakala negeri-negeri lain dibenarkan dengan cara gantian melalui tampalan. Selain daripada itu, penyerahan saman bersekali dengan affidavit sokongan MS 26 adalah negeri Pahang, Kedah, Perak dan Selangor. Manakala negeri-negeri yang tidak disertakan saman bersekali dengan affidavit sokongan adalah negeri Pulau Pinang, Melaka dan Perlis. Cadangan daripada kajian ini adalah perlunya diselaraskan kesemua negeri dengan memasukkan peruntukan undang-undang khas iaitu di dalam akta/enakmen tatacara mal mahkamah syariah agar tidak berlaku konflik yang melibatkan penyerahan saman bersekali dengan affidavit sokongan yang boleh menimbulkan perbicaraan yang panjang. Hal ini kerana, SPP hanyalah penyiasatan secara inquisitorial sahaja di antara hakim dengan penghutang.*

*Kata Kunci:* saman penghutang penghakiman, affidavit, perundangan, mahkamah syariah.

## ABSTRACT

*Judgment Debtor Summons (SPP) is a form of summons or order issued by the court to be served on the debtor. The debtor must commit to appearing in court after receiving the summons from the court notice sender, court bailiff or any person provided for in the law. However, there are several implementations or practices from different states. There are two research questions regarding the implementation of serving summons in the MS 43 form, namely regarding the replacement summons whether it is allowed or not and also regarding the supporting affidavit in the MS 26 form whether it is necessary to serve or not. The purpose of this study is to critically examine the service of summons carried out by states with different implementations that have caused conflict. The methodology of this study uses qualitative methods in data collection, namely data obtained from fiqh books, journals, proceeding papers, thesis studies and court cases. Apart from that, the field method is also used, namely the unstructured interview method. The interview will interview with lawyers, notice senders and court bailiffs in selected states. The results of the study found that, out of the seven randomly selected states, only the state of Melaka is not allowed to issue a summons in lieu, while other states are allowed in lieu through patching. Apart from that, the submission of summons together with a supporting affidavit of MS 26 is in the states of Pahang, Kedah, Perak and Selangor. While the states that are not accompanied by summons together with a supporting affidavit are the states of Penang, Melaka and Perlis. The suggestion from this study is the need to coordinate all states by including special legal provisions, namely in the act/enactment of the syariah court civil procedure so that there is no conflict involving the submission of summons together with a supporting affidavit which can lead to a long trial. This is because, SPP is only an inquisitorial investigation between the judge and the debtor.*

*Keywords: judgment debtor summons, affidavit, legislation, sharia court.*

## PENGENALAN

Makalah ini mengkaji konsep, prosedur, dan pelaksanaan saman penghutang penghakiman melalui perbandingan antara negeri. Kajian meneliti asas undang-undang, proses permohonan, serta penguatkuasaan kes. Perbincangan akan meneliti daripada segi perbezaan dasar, amalan, dan cabaran pelaksanaan untuk meningkatkan lagi kecekapan, integriti, dan keadilan dalam penguatkuasaan sistem penghakiman bagi kes nafkah. Integrasi teori dan amalan lapangan yang dibincangkan diharapkan dapat membantu mencapai pemahaman mendalam tentang isu penghutang penghakiman serta memperkukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap undang-undang. Kajian mendalam ini diharap memberi panduan jelas untuk memperbaiki sistem penghakiman, sekaligus memastikan keadilan dan kestabilan undang-undang yang kukuh bagi masa depan kes tuntutan nafkah anak.

Saman adalah perintah rasmi atau dokumen penting kepada pihak yang dituntut

iaitu defendan, responden atau penghutang yang mesti dihadiri ke mahkamah. Kehadiran ke mahkamah tersebut adalah untuk menjawab dakwaan yang dimulakan oleh pihak yang menuntut iaitu plaintif atau pemiutang (Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim, 2010). Melalui saman penghutang penghakiman (SPP) ini, ia termasuk dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan dalam akta/enakmen tatacara mal mahkamah syariah. Pemakaian terhadap saman penghutang penghakiman ini adalah melibatkan dengan pelaksanaan pembayaran wang sahaja seperti mana diperuntukkan dalam seksyen 175, Akta 585:

“(1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, Bab ini hendaklah terpakai bagi pelaksanaan penghakiman bagi pembayaran wang.

(2) Dalam Bab ini, "penghakiman" termasuklah apa-apa perintah bagi pembayaran wang.”

Dalam subseksyen 1, jelas menunjukkan bahawa bagi saman penghutang penghakiman adalah membabitkan

pembayaran wang sahaja. Manakala dalam subseksyen 2, penghakiman termasuk perintah bagi pembayaran wang. Hal ini bermaksud, perintah untuk pembayaran wang telahpun dikeluarkan oleh mahkamah dan mesti dilaksanakan oleh defendan. Sekiranya perintah tersebut tidak dilaksana, maka penguatkuasaan saman penghutang penghakiman boleh dilakukan. Contohnya seperti perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah terhadap si bapa untuk membiayai anak, tetapi si bapa tidak melaksanakan untuk pembayaran nafkah kepada si ibu atau si anak, maka penguatkuasaan saman penghutang penghakiman boleh difailkan.

Sebelum pemfailan saman penghutang penghakiman diluluskan oleh mahkamah, mahkamah perlu meneliti perintah yang telahpun dikeluarkan oleh mahkamah sebelum itu. Hal ini kerana, tuntutan jumlah hutang yang dituntut tersebut benar-benar berlaku dan telah ada arahan daripada hakim melalui perintah yang dikeluarkan. Ketegasan ini pernah diutarakan oleh Saidina Umar kepada Abu Musa al-Ash'ari yang menyatakan:

سَلَامٌ عَلَيْكَ. أَمَا بَعْدُ: فَإِنَّ الْقَضَاءَ قَرِيبَةٌ مُحْكَمَةٌ  
وَسُنَّةٌ مُتَّبِعَةٌ. فَأَفْهَمُ إِذَا أَدَّى إِلَيْكَ فَإِنَّهُ لَا يَنْفَعُ تَكَلَّمَ  
بِحَقِّ لَا تَفَادَ لَهُ....

Bermaksud: “Selamat sejahtera ke atas kamu. Bahawasanya: Sesungguhnya kehakiman itu satu kewajipan yang mesti dihakimi (dengan adil) dan satu sunnah yang mesti diikuti. Maka fahamilah apabila suatu tuntutan kes diangkat dakwaannya kepada kamu maka sesungguhnya pada ketika itu tiada faedah kamu berbicara dengan sesuatu hak sedangkan kamu tidak melaksanakannya....” (Mahmud Syarif, 2003).

Hal ini jelas bahawa sebelum penguatkuasaan dilakukan, hakim perlulah mengetahui atau memahami kes-kes sebelum sesuatu tuntutan dibuat. Melalui saman

penghutang penghakiman, penghutang akan disiasat kemampuannya untuk membayar tuntutan tunggakan hutang nafkah (Mohd Hazwan Ismail, 2024).

Dalam mendapatkan permohonan saman penghutang penghakiman, orang yang menuntut iaitu pemiutang perlu hadir ke mahkamah untuk memfailkannya. Pemfailan tersebut adalah untuk memanggil penghutang dengan menggunakan Borang MS 42 dan perlu menandatangani sama ada pemiutang sendiri atau peguam syarie yang dilantik. Pemiutang juga perlu berikrar segala bentuk affidavit yang dikemukakannya (Mohd Hazwan Ismail et. al, 2021). Setelah memfailkannya, mahkamah akan memanggil pemiutang dalam tempoh tarikh yang lain untuk diadakan taksiran bagi menentukan jumlah hutang yang tetap. Setelah mahkamah berpuas hati, Borang MS 43 iaitu saman dikeluarkan dan perlu diserahkan kepada penghutang.

Mahkamah akan menyiasat penghutang berdasarkan tahap kemampuannya untuk menyelesaikan tunggakan hutang nafkah. Setelah mahkamah mengetahui kebolehan dalam membayar hutang, mahkamah akan mengeluarkan perintah untuk dilaksanakan oleh penghutang. Walau bagaimanapun, sekiranya penghutang masih gagal untuk melaksanakan perintah saman penghutang penghakiman tersebut, maka aduan kali kedua boleh dilakukan semula oleh pemiutang (Mohamed Fouzi Mokhtar, et. al, 2021). Susulan daripada saman penghutang penghakiman, pemiutang boleh mengadu untuk memfailkan notis penghakiman. Seksyen 179 dalam akta yang sama memperuntukkan:

“(1) Jika seseorang penghutang penghakiman tidak mematuhi mana-mana perintah yang dibuat oleh Mahkamah terhadapnya di bawah seksyen 178, penghutang penghakiman itu hadir di Mahkamah untuk menunjukkan

sebab mengapa dia tidak patut dikomitkan ke penjara kerana keingkaran itu.”

Notis penghakiman adalah notis tunjuk sebab yang perlu dikemukakan oleh penghutang. Penghutang boleh menunjukkan alasannya disebabkan tidak mampu untuk membayar atau sengaja tidak membayar setelah diperintahkan saman penghutang penghakiman sebelum ini. Sekiranya penghutang sengaja untuk tidak membayar, maka mahkamah boleh memenjarakan penghutang selama tempoh 30 hari berdasarkan seksyen 181 (1) Akta 585.

Walaupun terdapat dua penguatkuasaan yang telah diperuntukkan dalam Bab 4 iaitu saman penghutang penghakiman dan notis penghakiman, penyerahan saman dan notis untuk memanggil penghutang ke mahkamah adalah berbeza. Melalui saman penghutang penghakiman, seksyen 177(2) hanya menyatakan perlu ‘disampaikan’ kepada penghutang penghakiman iaitu penyerahan secara umum. Manakala notis penghakiman pula perlu ‘disampaikan secara ke diri’ kepada penghutang penghakiman berdasarkan seksyen 180(2) yang telah dikhususkan melalui kaedah pemberian secara berhadapan. Namun, dalam kajian ini, fokus pelaksanaan amalan hanya dilimitasi mengenai penyerahan saman penghutang penghakiman sahaja dan dianalisis sebanyak tujuh negeri yang dipilih iaitu negeri Melaka, Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Pahang, Perlis dan Perak sahaja. Objektif daripada kajian ini adalah untuk mengetahui tindakan yang sempurna dalam menyerahkan saman kepada penghutang dan seterusnya untuk mengetahui sama ada perlunya disekalikan dengan affidavit sokongan ataupun tidak berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

## PERSOALAN KAJIAN

Isu saman penghutang penghakiman adalah merujuk kepada peruntukan undang-undang di statut Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585), terdapat 25 bahagian atau 248 seksyen dan tiga jadual. Bahagian saman penghutang penghakiman berada di bahagian 18 di bawah bab ke empat iaitu Peruntukan Khas Berhubungan Dengan Saman Penghutang Penghakiman. Dalam bab tersebut diperuntukan sebanyak 11 seksyen iaitu bermula daripada seksyen 175 sehingga seksyen 185. Dalam bab penyerahan saman, peruntukan yang umum telah diperuntukan dalam seksyen 177(2) iaitu:

“Sesuatu saman penghutang penghakiman hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman itu sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran saman itu.”

Peruntukan di atas jelas menunjukkan hanya perkataan ‘disampaikan kepada penghutang penghakiman’ sahaja tanpa dijelaskan tindakan susulan selepasnya. Pelbagai tafsiran mengenai penyerahan saman sama ada hanya ke diri sahaja atau juga boleh dilakukan secara gantian sekiranya penyerahan ke diri tidak berjaya. Isu yang pertama adalah merujuk kepada negeri Melaka (Mohd Nizam Azmi, 2024), permohonan untuk melakukan saman secara gantian setelah penyerahan ke diri tidak berjaya, adalah tidak dibenarkan. Manakala bagi negeri-negeri yang lain seperti Pulau Pinang, Perlis, Pahang, Selangor, Kedah dan Perak, dibenarkan untuk melakukan secara gantian iaitu melalui tampalan.

Isu yang kedua adalah mengenai penyerahan saman beserta dengan affidavit sokongan yang diaplikasikan secara berbeza antara negeri-negeri. Terdapat sebahagian negeri sahaja yang menyerahkan saman

bersekali dengan affidavit sokongan. Antara negeri yang tidak menyerahkan affidavit sokongan kepada penghutang semasa penyerahan saman adalah negeri Pulau Pinang, Melaka dan Perlis. Manakala negeri Pahang, Selangor, Kedah dan Perak, disertakan affidavit sokongan. Hal ini menimbulkan konflik antara kedua-duanya kerana ia tidak selaras dalam penyerahan saman sekiranya terdapat negeri yang ingin bekerjasama dalam penyerahan saman. Contoh, jika negeri Perak memohon kepada negeri Pulau Pinang untuk menyerahkan saman (penghutang berada di negeri Pulau Pinang), maka penghantar notis atau bailif mahkamah hanya akan menyerahkan saman sahaja tanpa bersekali dengan affidavit sokongan. Hal ini akan menimbulkan ketidakpuasan hati bagi negeri Perak kerana tidak mengikut kepada amalan yang dilakukan oleh negerinya (Nur Afizah Mansor, 2024).

Justeru, kajian ini ingin mengkaji secara kritis mengenai prosedur penyerahan saman mengikut peruntukan undang-undang, seperti Enakmen, Arahan Amalan atau Pekeliling tertentu bagi menangani konflik yang berlaku dan sekaligus memastikan konsistensi dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang tuntutan saman penghakiman di seluruh negara.

## SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian adalah kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Kajian-kajian ini diambil daripada dua kertas kajian yang diterbitkan di jurnal dan dua kajian tesis iaitu tesis sarjana dan tesis doktor falsafah. Kajian mengenai saman penghutang penghakiman daripada doktor falsafah yang bertajuk “Nafkah Tertunggak: Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Undang-Undang di Mahkamah Syariah di Malaysia” menjelaskan mengenai pengenalan dan

pendaftaran kes di mahkamah. Dalam kajian tersebut menghuraikan penyelesaian bagi penghutang terhadap tuntutan nafkah sama ada secara bayaran ansuran bulanan, ansuran singkat atau secara sekaligus (Mohd Hazwan Ismail, 2024). Dalam menguatkuasakan saman penghutang penghakiman mengenai prosiding pula, kajian tersebut telah dilakukan oleh Zaini Nasoha dan Suwaid Tapah (2001) yang menjelaskan analisis prosiding saman penghutang penghakiman. Saman penghutang penghakiman melibatkan pembayaran wang iaitu tunggakan hutang nafkah yang perlu dihadiri oleh penghutang bagi memeriksa keupayaan dalam menyelesaikannya. Hasil daripada kajian tersebut mendapati, hakim melihat kepada budi bicaranya dalam memberi keputusan agar kepuasan hati pihak-pihak tercapai.

Walau bagaimanapun, terdapat konflik dalam memfailkan saman penghutang penghakiman. Konflik tersebut berkait antara perlunya kepada perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu atau cukup hanya memadai dengan perintah nafkah sahaja. Hal ini kerana, terdapat perbezaan keputusan hakim di mana hakim membenarkan untuk memfailkan saman penghutang penghakiman apabila perintah nafkah telah diperoleh. Manakala keputusan daripada hakim yang lain pula memerlukan pemfailan perintah tunggakan nafkah. Namun, kajian tersebut lebih cenderung kepada perintah nafkah sahaja kerana sebelum saman penghutang penghakiman dikeluarkan oleh Pendaftar, terdapat taksiran terlebih dahulu bagi memastikan hutang tersebut benar-benar berlaku tanpa perlunya kepada perintah tunggakan nafkah. Setelah saman penghutang penghakiman dikeluarkan, hakim akan memeriksa keupayaan penghutang dan seterusnya memerintahkannya (Mohd Hazwan Ismail, 2021). Namun, kajian daripada Mohamad Omar Mansu (2022) pula menjelaskan,

sekiranya perintah saman penghutang penghakiman tidak dilaksanakan, maka penguatkuasaan seterusnya boleh dilakukan secara notis penghakiman iaitu memenjarakan penghutang penghakiman.

Daripada kajian-kajian tersebut, masih belum mempunyai kajian mengenai penyerahan saman secara spesifik dan amalan-amalan bagi negeri-negeri yang lain. Walaupun secara umumnya kajian mengenai saman penghutang penghakiman ada penyelesaiannya, namun secara kritisnya masih mempunyai kekurangan dalam penyerahan saman. Justeru, kajian ini akan meneliti secara mendalam dan seterusnya mengisi kelompongan agar ia dapat dijadikan satu penyelesaian teknikal yang lebih tersusun dalam tempoh masa yang semakin mencabar.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif (Siti Uzairiah, 2017) melalui kajian lapangan dan kepustakaan dalam pengumpulan data. Melalui kajian kepustakaan, data diperoleh daripada kitab-kitab fiqh, jurnal, kertas persidangan, kertas ilmiah dan kajian kes mahkamah (Mohd Shafie Abu Bakar, 1991). Kajian melalui pemerhatian juga digunakan secara penelitian secara langsung kes-kes yang berlaku di mahkamah kerana pengkaji adalah kakitang di mahkamah Syariah Pulau Pinang (Patton, M. Q, 2015).

Seterusnya kajian yang menyokong data-data penyelidikan ini adalah kajian lapangan yang menggunakan metod temu bual. Temu bual digunakan adalah secara tidak berstruktur berpandukan tema-tema yang telah digariskan daripada awal (Ahmad Sunawari, 2009). Kajian ini akan menemu bual peguam syarie dan bailif mahkamah bagi mendapatkan maklumat praktis semasa.

Setelah data sokongan ini diperoleh, maka gabungan antara teori dengan praktis telah dianalisis secara analisis kandungan bagi menjawab persoalan kajian dan seterusnya merungkai permasalahan penyelidikan.

#### PERBINCANGAN DAN HASIL DAPATAN

Akta 585 yang memperuntukkan Peruntukan Khas Berhubungan Dengan Saman Penghutang Penghakiman dalam Bab 4 di bahagian 18 iaitu Penguatkuasaan dan Pelaksanaan. Penguatkuasaan dalam bahagian ini memperuntukkan dua iaitu Saman Penghutang Penghakiman dan Notis Penghakiman. Notis Penghakiman adalah tindakan susulan bagi menjawab notis tunjuk sebab untuk tidak dikomitkan ke penjara setelah perintah Saman Penghutang Penghakiman telah dikeluarkan.

Notis penghakiman juga perlu difailkan dan perlu diserahkan kepada penghutang. Walau bagaimanapun, penyerahan bagi notis penghakiman jelas diperuntukkan dan dilakukan penyerahan secara ke diri. Hal ini diperuntukkan dalam sekyen 180(2) iaitu:

“Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, suatu notis penghakiman hendaklah disampaikan ke diri penghutang penghakiman sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi kehadiran penghutang penghakiman itu.”

Perkataan ‘disampaikan ke diri penghutang penghakiman’ jelas disebut dalam peruntukan undang-undang bagi notis penghakiman. Hal ini tidak menimbulkan isu kerana mahkamah akan melihat kepada penyerahan secara berhadapan dan diperlukan kepada akuan penerimaan serta affidavit penyampaian untuk diikrarkan di hadapan Pendaftar dan seterusnya diserahkan

kepada hakim. Ini jelas dalam seksyen 49(2) dalam akta yang sama iaitu:

“Orang yang kepadanya dokumen itu disampaikan hendaklah menandatangani suatu pengakuteraan penyampaian, tetapi keengganan atau ketakupayaan menandatangani sedemikian tidaklah menjejaskan kesahan penyampaian itu.”

Namun dalam penyerahan saman penghutang penghakiman, tidak jelas pelaksanaannya walaupun di bawah bahagian dan bab statut yang sama. Penyerahan saman secara ke diri secara spesifiknya terdapat dalam peruntukan undang-undang di bawah seksyen 41 Akta 585 yang memperuntukkan:

“(1) Tertakluk kepada Bahagian ini, sesuatu saman hendaklah disampaikan ke diri, dan hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan saman, atau dengan mengemukakannya untuk diperiksa dan menyerahkan suatu salinan saman, kepada orang yang kepadanya saman hendak disampaikan.”

Walau bagaimanapun, dalam hal keadaan saman tersebut, sekiranya penyerahan secara ke diri tidak berjaya, namun terdapat peruntukan undang-undang yang boleh dibuat pelaksanaan penyerahan secara gantian. Hal ini merujuk kepada seksyen 48(1) dan (2) Akta 585 yang memperuntukkan:

“(1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa atas apa-apa alasan yang mencukupi saman tidak dapat disampaikan dengan cara biasa, Mahkamah boleh memerintahkan supaya saman disampaikan dengan cara menampalkan suatu salinannya di papan kenyataan Mahkamah dan juga di suatu tempat yang mudah dilihat di bangunan tempat orang yang kepadanya saman hendak disampaikan terakhir diketahui tinggal, atau mengikut apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.”

“(2) Mahkamah boleh juga, dalam mana-mana hal yang termasuk dalam subseksyen (1), membuat perintah supaya penyampaian

dalam subseksyen (1), membuat perintah supaya penyampaian dibuat melalui iklan dalam mana-mana akhbar tempatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.”

Terdapat dua pelaksanaan yang boleh dilakukan sekiranya penyerahan secara ke diri tidak berjaya iaitu melalui tampalan atau dibuat secara iklan (Mohd Hazwan Ismail, 2023). Contoh kes bagi tampalan yang telah dibenarkan oleh mahkamah untuk dibuat tampalan di pintu rumah penghutang adalah *Shahida lwn Shahil (2019)*. Walaupun saman dibuat secara gantian, namun kesannya tetap sempurna seperti mana serahan saman melalui ke diri dan boleh diteruskan penyiasatan terhadap penghutang. Hal ini diperuntukkan dalam Seksyen 48:

“(3) Penyampaian ganti hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti penyampaian ke diri.”

Amalan ini telah dilaksanakan dengan sebaiknya bagi negeri Pulau Pinang, Perlis, Pahang, Selangor, Kedah dan Perak. Namun di negeri Melaka, menurut bailif di Mahkamah Syariah Negeri Melaka, ia tidak dibenarkan oleh hakim. Saman penghutang penghakiman perlu diserahkan melalui ke diri sahaja (Mohd Nizam Azmi, 2024).

Dalam pemfailan saman penghutang penghakiman yang digunakan dalam MS 42 bersama affidavit sokongan MS 26, mahkamah perlu melihat sejumlah hutang yang tertunggak. Setelah mahkamah berpuas hati, mahkamah akan membenarkan borang MS 43 dikeluarkan. Penyerahan saman iaitu MS 43 perlu diserahkan kepada penghutang. Walau bagaimanapun, terdapat dua amalan di negeri-negeri iaitu penyerahan saman beserta affidavit sokongan dan penyerahan saman sahaja.

Antara negeri yang menyerahkan saman sahaja adalah Pulau Pinang (Mohd

Afiq Najhan, 2024), Melaka (Mohd Nizam Azmi, 2024) dan Perlis (Salwani Sufi, 2024). Manakala negeri yang menyerahkan saman bersekali dengan affidavit sokongan adalah Pahang (Rafizishah Abdullah, 2024), Selangor (Ahmad Lutfi Senin, 2024), Kedah (Badri Abdul Kader, 2024) dan Perak (Nur Afizah Mansor, 2024).

Menurut Peguam di Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri Kedah, penyampaian affidavit sokongan kepada penghutang akan menimbulkan isu yang berlanjutan. Hal ini katanya, SPP hanyalah pemeriksaan mahkamah terhadap kemampuan terhadap penghutang sahaja bagi menyelesaikan masalah hutang. Sekiranya affidavit diserahkan kepada penghutang, maka dikhuatiri penghutang akan membalas atau menjawab affidavit tersebut. Secara tidak langsung, ia menimbulkan perbicaraan yang panjang iaitu adanya keterangan utama, keterangan balas dan keterangan soal semula (Jamil Ahmad, 2023). Walhal, SPP hanyalah melibatkan siasatan sahaja.

Ketetapan dengan tidak menyerahkan affidavit sokongan beserta dengan saman telahpun diwartakan di dalam arahan amalan iaitu Arahan Amalan No. 9 Tahun 2021, Garis Panduan Pengurusan Kes Tuntutan/Saman Penghutang Penghakiman dan Notis Penghakiman bertarikh pada 11 Januari 2022 bersamaan 8 Jamadilakhir 1443H yang berada dalam Lampiran A halaman 51 yang menyatakan:

“Borang MS 42 dan affidavit sokongan tidak dihantar kepada Penghutang Penghakiman kerana kemungkinan berlaku perubahan jumlah hutang. Selain itu, menutup ruang pemfailan affidavit jawapan oleh Penghutang Penghakiman.”

Dalam arahan amalan tersebut jelas menyatakan affidavit sokongan tidak perlu diserahkan kerana ia boleh berlaku jumlah hutang yang berbeza dan mengelakkan

daripada affidavit jawapan yang akan difailkan oleh penghutang. Oleh hal demikian, negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Melaka dan Perlis adalah menepati pelaksanaannya dalam menyerahkan saman penghutang penghakiman tanpa perlunya affidavit sokongan. Bagi negeri Pulau Pinang, affidavit sokongan hanyalah simpanan fail di mahkamah sahaja bagi mengetahui tunggakan hutang, dan hanya diserahkan kepada penghutang sekiranya diminta. Walaupun diminta oleh penghutang, namun tiada affidavit balas dikemukakan.

Oleh hal yang demikian, hasil kajian mendapati penyerahan saman secara ke diri tidaklah ditetapkan secara mutlak bagi kes saman penghutang penghakiman kerana ia tidak dikhususkan penghantaran secara ke diri seperti mana dalam kes notis penghakiman yang dimaktubkan dalam peruntukan undang-undang dalam seksyen 180(2). Hal ini kerana, saman penghutang penghakiman masih ada ruang untuk menyampaikan saman selain daripada ke diri dan boleh dilakukan secara gantian yang kebanyakan bagi negeri-negeri adalah melalui tampalan. Majoriti mahkamah membenarkan pelaksanaan ini walaupun Melaka tidak membenarkannya.

Manakala penyerahan saman bersekali affidavit sokongan pula, jelas arahan amalan telah menyatakan tidak perlunya untuk disertakan penyerahan affidavit sokongan. Negeri-negeri seperti Pahang, Selangor, Kedah dan Perak perlu memperakui arahan amalan tersebut di dalam Pekeliling Negeri masing-masing agar pelaksanaan ini benar-benar diikuti. Sekiranya penyerahan saman secara ke diri sahaja dilakukan, dikhuatiri akan mengambil masa yang lama untuk mencari penghutang sehingga berlanjutan beberapa tempoh seperti dalam kes *Mazidah Iwn Amran (2018)*. Dalam kes tersebut, sebanyak lima



kali tangguhan untuk diserahkan secara ke diri dan ini bermaksud bagi setiap kali tangguhan adalah selama sebulan. Apabila lima kali tangguhan bermakna pemiutang perlu menunggu sehingga lima bulan untuk dibicarakan di hadapan hakim.

Selain daripada itu, hal ini juga boleh dielakkan daripada perbicaraan yang panjang di kemudian hari apabila affidavit sokongan diserahkan bersekali dengan saman. Ini menyebabkan adanya keterangan balas (affidavit jawapan) dan keterangan soal semula sekiranya penghutang tidak berpuas hati dengan jumlah tunggakan hutang nafkah seperti mana yang berlaku di negeri Kedah. Hal ini akan melambatkan proses masa dan memudaratkan bagi pihak si ibu (tuntutan tunggakan hutang nafkah anak) yang memerlukan wang dengan segera. Perkara yang boleh disegerakan tanpa perlu dilewatkan adalah wajib sekiranya ia boleh mendatangkan mudarat. Seperti mana di dalam kaedah fiqh, iaitu:

الضرر يدفع بقدر الأمكان

Kemudahan perlu dihilangkan sejauh mana yang boleh (Muhammad Sidqi Ali Burnu, 1996).

Kemudahan seperti lambatnya untuk mendapatkan wang tuntutan hutang nafkah boleh menjejaskan perkara asas yang utama seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Maka dengan itu, mudarat yang mengambil tempoh masa tersebut perlulah dihilangkan dengan tidak ada perlunya perbicaraan (sekiranya ada) kerana prosedur saman penghutang penghakiman adalah untuk siasatan secara *inquisitorial* iaitu siasatan secara terus antara hakim dengan penghutang yang hanya memeriksa kemampuan penghutang sahaja bagi menyelesaikan tunggakan hutang nafkah yang dituntut.

Justeru, penyerahan saman kepada penghutang boleh dianggap sempurna sekiranya mahkamah memudahkan dengan cara gantian melalui tampalan sekiranya saman secara ke diri tidak berjaya pada pertama kali serahan (Musa Awang, et. al, 2017). Keadaan ini akan mempercepatkan proses siasatan mahkamah kerana penghutang akan mengetahui maklumat seperti tarikh, masa dan lokasi mahkamah apabila melihat saman yang telah ditampalkan di pintu rumahnya. Kemungkinan penghutang pulang ke rumah daripada tempat kerja atau mempunyai urusan di luar. Dan mengenai affidavit sokongan pula, tidak perlu diserahkan bersekali dengan saman. Hal ini kerana, sekiranya jumlah hutang berbeza seperti yang diminta oleh pemiutang, dan penghutang mempunyai bukti seperti resit bayaran, cukup hanya memadai dengan memaklumkan kepada hakim semasa dalam siasatan dalam mahkamah (Mohamad Aslam Ahmad, 2024). Mahkamah akan mengira semula dan mengeluarkan perintah sejumlah amaun tunggakan berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan.

## KESIMPULAN

Saman adalah perintah atau dokumen yang perlu diserahkan kepada penghutang untuk memanggil penghutang ke mahkamah. Penghutang wajib hadir untuk disiasat oleh mahkamah atas kemampuannya dalam menyelesaikan tuntutan hutang nafkah yang difailkan oleh pemiutang. Melalui penyerahan saman penghutang penghakiman, peruntukan telah menetapkan hanya perkataan 'disampaikan' kepada penghutang penghakiman sahaja manakala notis penghakiman pula lebih khusus iaitu meletakkan 'disampaikan secara ke diri' kepada penghutang penghakiman. Justeru, pemakaian saman penghutang penghakiman

adalah lebih meluas untuk menyerahkan saman tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan amalan bagi negeri-negeri. Negeri Melaka adalah negeri yang perlu diserahkan saman secara ke diri sahaja manakala bagi negeri lain, dibenarkan. Selain daripada itu, afidavit sokongan pula tidak perlu diserahkan bersekali dengan saman. Hal ini telahpun digazetkan melalui Arahan Amalan No. 9 Tahun 2021 yang menyatakan tidak perlunya diserahkan saman bersama dengan afidavit sokongan. Cadangan daripada kajian ini adalah saman yang telah diperuntukkan undang-undang sedia ada perlulah dipinda dengan lebih terperinci. Contohnya seperti peruntukan undang-undang dalam penyerahan notis penghakiman yang memperuntukan dengan jelas bahawa penyerahan perlu dilakukan secara ke diri. Oleh hal yang demikian, saman penghutang penghakiman perlu dipinda dengan memasukkan perkataan penyerahan secara ke diri (sekiranya perlu kepada ke diri) dan perlu diselaraskan bagi kesemua negeri-negeri yang terdapat dalam akta/enakmen tatacara mal mahkamah syariah. Selain daripada itu, afidavit sokongan juga perlu dimasukkan dalam undang-undang khas supaya jelas bahawa ia tidak perlu disekalikan apabila membabitkan tuntutan tunggakan nafkah. Secara tidak langsung akan mempercepatkan penyelesaian kes dengan hanya siasatan sahaja.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

#### KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis-penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud antara pihak-pihak yang telah terlibat dalam penulisan artikel ini.

#### SUMBANGAN PENULIS

Setiap penulis telah menyumbang kepada penulisan kandungan artikel ini.

#### RUJUKAN

- Ahmad Lutfi Senin. (2024). Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 7hb April 2024 jam 8.00 pagi.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Arahan Amalan No. 9 Tahun 2021, Garis Panduan Pengurusan Kes Tuntutan/Saman Penghutang Penghakiman dan Notis Penghakiman bertarikh pada 11 Januari 2022 bersamaan 8 Jamadilakhir 1443H
- Badri Abdul Kader. (2024). Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 31hb Januari 2024 jam 3.00 petang.
- Jamil Ahmad. (2023). Peguam Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 21hb Februari 2024 jam 9.00 pagi.
- Maḥmud Syarif. (2003). *Al-Wasaiq Al-Daulah Al-Ma'inah Bihuquq Al-Insan, Jil. 2*. Kaherah: Dar As-Syuruk
- Mazidah lwn Amran (2018)*. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal UPPP: 9/2018.
- Mohamad Aslam Ahmad. (2024). Peguam Jabatan Bantuan Guaman Selangor dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 30hb Januari 2024 jam 10.00 pagi.

- Mohamad Omar Mansu. (2022). Potensi Dan Cabaran Perintah Komital Kerana Ingkar Perintah Nafkah Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Tesis Sarjana: UKM.
- Mohamed Fouzi Mokhtar, Siti Fatimah Ahmad Maulana, Salmi Amalia Jamil & Mohd Fariq Azaimi Apandi. (2021). *Jenis-Jenis Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan: Satu Pengenalan*. Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori, Amalan dan Pelaksanaan: JKSM & Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM. Hlm 323-324.
- Mohd Afiq Najhan. (2024). Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 11hb Mac 2024 jam 11.00 pagi.
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, (2021), *Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah atau Perintah Tunggakan Nafkah*. Journal of Contemporary Islamic Law, Vol. 6(1): 29-38.
- Mohd Hazwan Ismail. (2024). *Nafkah Tertunggak: Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Undang-Undang di Mahkamah Syariah di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah: USM.
- Mohd Hazwan Ismail. (2023). *Penerimaan Mahkamah Syariah Mengenai Penyampaian Saman Melalui Pos Berdaftar*. International Journal of Contemporary Issues, Vol. 1, Issue 2, September 2023.
- Mohd Hazwan Ismail. (2024). *Punca Pengabaian Penghutang Penghakiman dalam Melaksanakan Perintah Nafkah*. Majallah Kulliyyah Syariah wa Al Qanun: Special Edition, pp. 265-281 | December 2024.
- Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman Ibrahim. (2010). *Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Prinsip & Amalan*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources. Hlm 236.
- Mohd Nizam Azmi. (2024). Bailif di Mahkamah Syariah Negeri Melaka dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 23hb Jun 2024 jam 9.00 pagi.
- Mohd Shafie Abu Bakar. (1991). *Metodologi penyelidikan untuk Ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Edisi kedua. Bangi: UKM.
- Muhammad Sidqi Ali Burnu. (1996). *Al-Wajiz fi Idahi Qawaid Al-Fiqh Al-Kuliah*. Beirut: Muassati Al-Risalah. Hlm 256.
- Musa Awang, Dr Zulqarnain Lukman & Fakhrol Azman Abu Hasan. (2017). *Seni Guaman Syarie Siri 1*. Kuala Lumpur: Jawatankuasa Penerbitan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).
- Nur Afizah Mansor. (2024). Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perak dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 9hb Jun 2024 jam 9.30 pagi.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation method (4th ed.)*. Sage Publication, Inc.
- Rafizishah Abdullah. (2024). Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 17hb Mac 2024 jam 10.00 pagi.
- Salwani Sufi. (2024). Peguam Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis dalam temubual dengan penulis

melalui telefon pada 21hb Julai 2024  
jam 9.00 pagi.

*Shahida lwn Shahil (2019)*, Jabatan  
Kehakiman Syariah Negeri Pulau  
Pinang. No. Kes. Mal UPPP:  
30/2019.

Siti Uzairiah. (2017). *Kajian kualitatif dan  
analisis temu bual*. Kuala Lumpur:  
Aras Publisher. Hlm 38.

Zaini Nasohah & Suwaid Tapah. (2001).  
Analisis pelaksanaan prosiding  
saman penghutang penghakiman  
dalam penguatkuasaan perintah  
pembayaran nafkah: kajian kes  
mahkamah syariah negeri Selangor,  
hlm. 46.